

**MUHAMAD AIDIL FAIZIN** Mohd MazniYang Di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2016/2017  
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam

# Graduan asset atau liabiliti negara

**S**etiap permulaan akan ada pengakhiran dan setiap pengakhiran akan ada permulaan yang baharu. Menerima segulung diploma dan ijazah bukanlah pengakhiran bagi perjuangan mahasiswa, tetapi adalah permulaan perjuangan kita untuk memberi bakti kepada agama, bangsa dan negara.

'Jaga negara, sebelum bumi', satu ungkapan ringkas mendukung makna yang sangat berat jika kita sedar kemampuan kita untuk bertanggungjawab terhadap negara. Adakah kita akan menjadi asset ataupun liabiliti negara.

Ringkasnya, asset adalah sesuatu yang dimiliki dan mampu memberi pulangan negara manakala liabiliti adalah sesuatu yang menjadi tanggungan kepada negara.

Analogi yang mudah, kita adalah pelaburan negara, namun apakah hasil pelaburan itu? Adakah kita akan menjadi asset ataupun liabiliti kepada negara? Jawapannya bergantung kepada pilihan kita sendiri, sama ada ingin menjadi

pulangan atau tangguhan kepada negara. Graduan yang menjadi asset negara akan memberi pulangan dalam pelbagai aspek, seperti sosial, ekonomi, pendidikan dan sebagainya pada satu hari nanti, serta meletakkan hati, jiwa dan minda untuk menyumbang serta menjaga maruah negara.

## Graduan sebagai asset negara

Satu daripada ciri-ciri graduan yang menjadi asset negara adalah graduan yang mengamalkan konsep 4K iaitu kesedaran, kemahiran, komitmen dan konsisten sewaktu bergelar mahasiswa.

Kita perlu sedar akan tanggungjawab kita sebagai anak, mahasiswa dan belia pengajian tinggi yang bertanggungjawab memberi bakti kepada agama, bangsa dan negara kerana, kesedaran amat penting untuk kita tidak terus hanyut dan dikaburi dengan pelbagai dugaan di kampus.

Seterusnya, mahasiswa yang sedar akan tanggungjawabnya serta mempunyai kemahiran yang tinggi

perlu memberi komitmen yang jitu terhadap perkara berfaedah seperti aktiviti kepemimpinan tanpa mengganggu komitmen terhadap akademik.

Terakhir, kita haruslah tidak cepat putus asa serta konsisten dalam melakukan sesuatu perkara kerana kita perlu bertanggungjawab habiskan apa yang telah dimulakan untuk melihat sejauh mana keupayaan diri sendiri dalam bidang kepemimpinan.

Selain daripada konsep 4K dapat diamalkan oleh seluruh mahasiswa, terdapat juga beberapa aspek penting yang utama, iaitu aspek intelektual, kerohanian, emosi dan fizikal. Intelektual amat penting bagi setiap graduan bagi persaingan masa hadapan. Baik untuk diri sendiri maupun masyarakat sekeliling. Hal ini kerana, graduan seharusnya mempunyai pandangan yang tersendiri dan peka terhadap isu semasa supaya kita tahu perkembangan negara kita dan dapat berkongsi idea yang berasas.

Seperti disebutkan sebelum ini, graduan liabiliti negara adalah sesuatu tanggungan negara yang

**+**  
Mereka tidak menggunakan peluang berada di universiti sebaik mungkin dalam membentuk keperibadian seorang warganegara yang aktif memberikan sumbangan kepada agama, bangsa dan negara, hanya mementingkan diri sendiri tanpa cuba untuk hidup bermasyarakat di universiti"

mampu mengurangkan hasil negara untuk setiap bulan ataupun tahun. Ironinya, semakin lama negara 'memegang' liabiliti ini, negara hanya akan berfokuskan kepada penggunaan hasil negara untuk 'menanggung' liabiliti yang tidak menyumbang apa-apa kepada pembangunan negara.

## Bakti kepada negara

Mereka tidak menggunakan peluang berada di universiti sebaik mungkin dalam membentuk keperibadian seorang warganegara yang aktif memberikan sumbangan kepada agama, bangsa dan negara, hanya mementingkan diri sendiri tanpa cuba untuk hidup bermasyarakat di universiti.

Mereka tiada nilai tambah kepada diri dan tiada pengalaman hidup bermasyarakat di dalam universiti, maka, apabila bergraduasi hanya memikirkan untuk mendapatkan kerja yang baik tanpa memikirkan untuk memberi bakti kepada negara.

Lebih menyedihkan, ada mahasiswa yang menggunakan peluang berada di universiti

untuk berfoya-foya tanpa memikirkan masa depan dan hanya tahu merungut di tepian jalan. Tetapi tidak dapat mengubah apa-apa, hanya menunjukkan kejatuhan moral diri.

Akhir kata, ketika keterujaan kita untuk menamatkan pengajian dengan menghasilkan penulisan, penerbitan dan kajian yang berkualiti, kita juga harus memikirkan permulaan baharu untuk membalsas semula jasa ibu bapa dan memasang tekad untuk berbakti kepada negara supaya kesenangan yang kita dapat pada hari ini dapat dirasai oleh generasi akan datang.

**Ahli MPP institusi pengajian tinggi (IPT) yang berminat untuk menulis dalam ruangan YB Kampus boleh menghantar tulisan masing-masing ke e-mel bhvarsiti@bh.com.my.**

## Reaksi



Graduan adalah asset dan tunjang kepada masa depan negara kerana baik dan buruk graduan pada hari ini menentukan masa depan negara. Mereka perlu mempunyai pemikiran kelas pertama demi mencorak masa depan agama, bangsa dan negara"

**Muhammad Muhsin Basir**  
Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Operasi, Universiti Utara Malaysia (UUM)



Penilaian terhadap asset atau liabiliti bergantung kepada kualiti graduan. Yang berkualiti adalah asset manakala graduan yang tidak berkualiti adalah liabiliti dan perlu melakukan anjakan paradigma"

**Nazrul Muhammin Abdul Aziz**  
Pelajar Sarjana Sains Sosial (linguistik),  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



Graduan hari ini adalah asset penting kepada negara dari segenap aspek kerana mereka pencetus inisiatif baharu yang mampu memangkin kemajuan negara dan perlu dilengkapi dengan sifat kreatif, inovatif, berdaya saing supaya mampu berdepan dengan cabaran"

**Ain Nur Hazwani Hafizudin**  
Pelajar Sarjana Bahasa Melayu,  
Universiti Putra Malaysia (UPM)